

# Tiga tahun lagi kuasai kedudukan terbaik

KUALA LUMPUR 13 Ogos – Malaysia dijangka menguasai kembali kedudukan yang terbaik dalam persaingan ekonomi di rantau ini dalam tempoh tiga tahun lagi berikutnya pengumuman liberalisasi kerajaan.

Bagaimanapun, dalam mengekalkan ekonomi negara ke arah itu, liberalisasi perlu dibuat secara serius dan fokus, kata Pengarah Urusan Capital Dynamics Asset Management Sdn. Bhd., Tan Teng Boo.

Teng Boo mengambil contoh ekonomi Indonesia yang pernah jatuh akibat krisis ekonomi 1997/98, tetapi liberalisasi ekonomi yang dilakukan menjadikannya prestasi dan

kedudukan negara itu semakin baik.

Malah, katanya, kesan liberalisasi awal yang dilakukan oleh negara jiran itu menyebabkan Indonesia berjaya menyerap krisis ekonomi global termasuk mempertahankan pertumbuhan ekonominya pada kadar empat peratus pada suku kedua tahun ini.

“Malaysia perlu melihat perubahan (liberalisasi) yang dilakukan sebagai satu perspektif jangka panjang.

“Pelaksanaannya perlu serius dan lebih fokus terhadap perubahan yang dilakukan. Jika ini dilakukan Malaysia akan mendapat faedah besar dalam tempoh tiga tahun akan datang,”

katanya pada taklimat media di sini hari ini.

Teng Boo yang yakin bahawa ekonomi negara akan kembali pulih pada separuh kedua tahun ini dan stabil pada suku pertama tahun 2010.

Bagaimanapun, kata Teng Boo, kepincangan politik negara yang menjadi semakin ketara dikhawatirkan akan menjelaskan proses pemulihan ekonomi.

“Isu-isu politik sepatutnya diselesaikan secara baik kerana Malaysia perlu mengkalkan kesejahteraan hidup yang dinikmati sejak sekian lamanya,” jelas beliau.

Pada taklimat itu, beliau berkata, kelebihan

Malaysia kerana memiliki rakyat pelbagai kaum boleh dijadikan sandaran untuk terus merokai peluang-peluang China dan India yang kini menjadi kuasa baru ekonomi dunia.

Malah, sebagai sebuah negara Islam, Malaysia juga mempunyai yang sama untuk berkongsi ekonomi dengan negara-negara Islam yang kaya.

“Dalam keadaan sekarang (selepas ekonomi Barat terjejas) Malaysia memang berada dalam kedudukan terbaik untuk mendapat manfaat daripada ledakan ekonomi di China dan India serta kekayaan di negara-negara Arab,” katanya.